Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) yang akan membuka tirai esok, bakal menjadi platform untuk peserta industri pertahanan tempatan, terus berkongsi idea serta teknologi dengan industri perta-

hanan baharu dan terkemuka di seluruh dunia.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, percaya industri pertahanan tempatan mampu memberi kesan kepada ekonomi negara menerusi sektor pekerjaan, pembangunan kemahiran dan penembusan rantaian pembekalan global.

Tarik pelabur luar

"Untuk jangka masa panjang, kita harapkan Malaysia menjadi destinasi utama dalam hab pasaran pertahanan ASEAN dan menarik pelabur luar untuk membuat pelaburan dalam negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengenai keunikan LIMA'19 berbanding edisi lalu pada 2017, Mohamad berkata, LIMA'19 kali ini amat bermakna kerana ia dijangka dirasmikan Tun Dr Mahathir Mo-

hammad, pencetus idea acara hebat ini, yang membukanya ketika edisi pertama pada 1991 ketika menjadi Perdana Menteri keempat.

Bagi segmen pertunjukan udara, Mohamad berkata, pasukan aerobatik Jupiter dari Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (TNI-AU) disahkan akan beraksi pada LIMA'19 selain dimeriahkan dengan kehadiran pasukan aerobatik Malaysia iaitu Krisakti yang menggunakan pesawat Extra 300L.

"Pesawat tanpa pemandu (UAV) Predator MQ-9B dari Amerika Syarikat dan CAIG Wing Loong dari China dan pasukan udara Russian Nights dari Russia turut mengesahkan penyertaan.

"LIMA'19 juga dijangka menampilkan jet pejuang SU-30 MKM dan E/A-18D milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), pesawat Tejas

milik Tentera Udara India (IAF) dan penerbangan lintas pesawat pengohm B-52 Tentera Udara Amerika (USAF)," katanya.

Demonstrasi khas maritim

Tumpuan juga terarah kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang akan melakukan demonstrasi khas maritim dengan kehadiran pasukan khas kedua-dua agensi.

Mohamad percaya, LIMA kali ini dapat menarik 44,000 pelawat perdagangan bersama hampir 250,000 pelawat awam ke Pulau Langkawi, sekali gus memberi pulangan kepada sektor pelancongan negara.

Pameran kali ini disertai 350 syarikat pempamer tempatan dan antarabangsa yang membabitkan 20 negara, diadakan di dua lokasi iaitu

Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan Resort World Langkawi (RWL).

Sehingga kini, 173 syarikat antarabangsa dan 181 syarikat tempatan mengesahkan penyertaan.

Turki menjadi pempamer terbesar apabila menempah pavilion mencecah 730 meter persegi diikuti Russia 697 meter persegi.

"Penyertaan syarikat tempatan terbesar didahului BHIC AeroServices Sdn Bhd, National Aerospace and Defence Industries Bhd (NADI), Muhibbah Engineering dan Sapura Group," kata Mohamad.

Pameran persidangan antarabangsa, seminar, pameran statik dan pertunjukan udara akan diadakan di MIEC manakala pameran kapal perang, pameran statik maritim dan demonstrasi maritim di RWL. BERNAMA

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAAL/BH]

[FOTO DANIAL SAAD/BH]



1 Petugas memeriksa keadaan pesawat bagi menjayakan pertunjukan udara sempena LIMA'19 di Langkawi bermula esok sehingga 30 Mac ini.

2 Juruterbang dan crew pesawat pengangkut Airbus A400M Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diiringi pesawat TUDM Pilatus PC-7 MKII, melakukan aksi dan formasi menarik ketika menjalani latihan awal di ruang udara Pangkalan Udara Butterworth, kelmarin.

3 Simulasi letupan bom yang dibuat secara terkawal ketika latihan awal sempena perasmian LIMA'19.



LAMPIRAN 32
BERITA HARIAN (DARI KACA MATA): MUKA SURAT 10
TARIKH: 24 MAC 2019 (AHAD)

El Nino Modoki, ekuinoks punca cuaca panas

Cuaca panas dan kering, kebakaran hutan dan udara berjerebu dengan kualiti udara tidak sihat, menjadikan keadaan cukup tidak selesa dan mengganggu kelangsungan kegiatan harian dan juga kesihatan penduduk. Begitulah lumrahnya, cuaca dan iklim menjadi faktor yang begitu penting dalam mencorakkan keadaan persekitaran yang selesa untuk kehidupan manusia dan flora fauna yang ada di muka bumi ini.

Saya berpeluang mengulas keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara sejak Februari lalu berdasarkan hasil penyelidikan saya dan kumpulan di UKM.

Fenomena sebegini adalah fenomena semula jadi yang berulang sebagai sebahagian keragaman iklim dunia. Malah, cuaca panas ini bukan hanya di Malaysia, tetapi berskala rantauan dan global. Di bahagian selatan Filipina misalnya, keadaan kering lebih ketara berbanding di Malaysia pada ketika ini.

Dalam rencana sebelum ini saya mengulas keadaan cuaca kering dan panas pada ketika itu dijangka berterusan ke Mac atau April dan ia disebabkan pengaruh bertindan beberapa fenomena terutama El Nino Modoki, Ayunan Madden-Julian dan peningkatan keamatan pancaran matahari semakin menghampiri fenomena ekuinoks.

Semua adalah fenomena semula jadi tetapi berlaku pada skala masa yang berbeza. El Nino ber-

laku sekali dalam kitaran tiga hingga lima tahun, manakala fenomena Ayunan Madden-Julian pula sekali dalam 20-60 hari. Ekuinoks berlaku dua kali setahun iaitu sekitar 20 Mac dan 23 September. Tetapi jika fenomena ini berlaku secara serentak, kesannya bertindan atau bergabung dan menjadi lebih kuat.

Halang pembentukan awan

Pada ketika rencana ini ditulis, Malaysia dan Indonesia didominasi oleh pusat 'perolakan terhalang' Ayunan Madden-Julian dan keadaan ini bersama dengan pengaruh El Nino Modoki, menghalang pembentukan awan, hujan dan menjadikan cuaca panas dan kering.

Bagaimanapun, seperti yang diramalkan sekitar penghujung minggu pertama bulan Mac, pusat 'perolakan terhalang' Ayunan Madden-Julian yang mendomi-

ni kawasan Malaysia dan Indonesia pada ketika itu bergerak ke timur dan digantikan oleh pusat 'perolakan meningkat'.

Keadaan ini membawa kelembapan dan hujan, terutama di kawasan selatan Semenanjung Malaysia dan menurunkan suhu pada ketika itu. Bagaimanapun, pengaruh Ayunan Madden-Julian berubah dengan cepat dan pada ketika ini, ayunan ini berada dalam fasa tidak aktif.

Faktor utama menyumbang kepada peningkatan suhu pada ketika ini didominasi oleh pengaruh El Nino Modoki dan juga pancaran matahari yang meningkat akibat fenomena ekuinoks. Bagaimanapun, gelombang cuaca panas dan kering ini dijangka akan berakhir dalam seminggu atau lebih lagi apabila kita memasuki musim perantaraan monsun pada April yang biasanya dicirikan dengan perolakan tempatan, ribut petir dan hujan di sebelah petang dan lewat petang, terutama di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia.

Di utara Semenanjung dan Sabah, kesan El Nino Modoki masih boleh dirasakan pada April walaupun dijangka menurun. Sebagai sebahagian keragaman iklim, fenomena gelombang haba dan cuaca kering ini pasti akan berulang. Bagaimanapun, perubahan iklim dijangka menjadikan fenomena sebegini menjadi kuat dan kerap di dekad akan datang jika dunia gagal menghadkan pembebasan gas rumah hijau ke atmosfera dan gagal mengengkang pemanasan global di bawah 2.00C.

Malah, menurut hasil penyelidikan CORDEX Southeast Asia, sebuah projek pemodelan dan unjuran iklim rantauan di Asia Tenggara yang saya sendiri ketua

membabitkan 14 negara dan juga sebuah projek di bawah naungan Pertubuhan Meteorologi Sedunia, suhu purata di rantau Asia Tenggara dan juga di Malaysia diunjurkan meningkat 2.00C pada pertengahan abad dan 4.5 - 5.00C pada penghujung abad ke-21 jika trend pembebasan gas rumah hijau kini berterusan dan perubahan iklim tidak ditangani.

Kawasan Indonesia dan Malaysia diunjurkan mengalami keadaan kemarau setiap tahun terutama dari Jun hingga Oktober. Ini bermakna cuaca panas dan kering tidak lagi berlaku sekali dalam beberapa tahun tetapi setiap tahun pada bulan berkenaan.

Kekuatan kemarau disebabkan perubahan iklim ini adalah setara dengan atau lebih kuat berbanding dengan kemarau dan cuaca panas yang berlaku ketika fenomena El Nino ekstrim 1997/1998 dan El Nino 2015/2016.

Gabungan impak El Nino

Malah, lebih teruk lagi jika pada ketika itu, El Nino juga berlaku dan boleh menyebabkan gabungan impak El Nino dan perubahan iklim akibat aktiviti manusia yang akan meningkatkan intensiti gelombang haba dan kemarau ke tahap yang belum pernah kita alami.

Berkemungkinan iklim dunia di masa hadapan tidak akan menuju kepada keadaan senario malap seperti digambarkan, memandangkan usaha dunia sedang berjalan melalui Perjanjian Paris yang bertujuan untuk menurunkan pembebasan gas rumah hijau dan mengengkang pemanasan global di bawah 2.00C.

Bagaimanapun, ada beberapa kajian terkini yang menganggarkan kebarangkalian untuk dunia berjaya mengengkang suhu di bawah 2.00C hanyalah lima peratus. Malah, komitmen hantar Amerika Syarikat terhadap Perjanjian Paris pasti akan menyukarkan lagi keadaan.

Senario iklim masa hadapan yang malap dengan peningkatan suhu 4.5 - 5.00C dan kemarau teruk setiap tahun di Malaysia dan Indonesia harus diberi perhatian serius oleh pembuat dasar dalam menangani isu perubahan iklim.

Generasi masa hadapan akan berdepan dengan keadaan lebih getir jika dunia gagal menurunkan pembebasan gas rumah hijau dan menghadkan suhu purata dunia di bawah 2.00C berbanding suhu era praperindustrian Eropah.



Pada ketika rencana ini ditulis, Malaysia dan Indonesia didominasi oleh pusat 'perolakan terhalang' Ayunan Madden-Julian dan keadaan ini bersama dengan pengaruh El Nino Modoki, menghalang pembentukan awan, hujan dan menjadikan cuaca panas dan kering"



Keratan akhbar BH pada 28 Februari dan 22 Mac lalu.



LAMPIRAN 33

NEWS STRAIT TIMES (BIRTHDAY OF SULTAN JOHOR): MUKA SURAT 24
TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)

Ruler gives RM1m for toxic waste clean-up

RIZALMAN HAMMIM
rizalman@nstp.com.my

SULTAN of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar is not only a ruler who is concerned about the welfare of the state and the people, but also a ruler who is people-friendly and not afraid to set aside protocol to get close to the people.

This concern was evident when the ruler made a personal contribution of RM1 million to help the authorities tackle the chemical pollution crisis in Pasir Gudang.

Permaisuri of Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah said the contribution would enable rescue agencies and the authorities obtain equipment.

The ruler also visited the victims at Sultan Ismail Hospital.

The closeness between the ruler and the people can be seen during Kembara Mahkota Johor (KMJ), an annual tour of the state that Sultan Ibrahim created when he was Tunku Mahkota Johor.

During the tour, the ruler and his family would travel to all districts to meet the people and take part in activities that bring the ruler closer to the people.

Scores of people would gather at stops to meet the royal family, and Sultan Ibrahim and his family members would shake hands and take pictures with them.

The closeness between the ruler and the people can also be witnessed on any ordinary day, especially for those who visit Laman Mahkota, a park in front of the gates of Istana Bukit Serene.



Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar with flood victims after presenting aid to them at SK Kampung Jawa, Segamat. PIC BY ADI SAFRI

On more than a few occasions, Sultan Ibrahim would surprise visitors at the park by coming out of the gate, sometimes on a 'kapcai' motorcycle, to meet them.

The ruler would spend a few minutes to talk to the visitors as well as shake hands and take pictures and selfies.

Besides meeting the people, the tour is also a way for the ruler to see the development in the districts as well as to find out about problems.

Sultan Ibrahim is known to be concerned about the state's welfare and development.


The ruler would often give advice and suggestions to the state govern-

ment on what needs to be done to ensure Johor continues to develop and prosper.

He would also meet Menteri Besar Datuk Osman Sapian and exco members to discuss developments.

Sultan Ibrahim would also meet state and federal government officials to get information about the development and investments in Johor.

During a meeting with district officers at Istana Pasir Pelangi recently, Sultan Ibrahim reminded them to come up with suggestions and opinions on the development and prosperity of the state.



Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar with a guest at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia's 25th anniversary at Batu Pahat UTHM. PIC BY ADI SAFRI

"This should also be done by local councillors in the districts.

"This is to ensure that the harmony and comfort of all Bangsa Johor continue to be taken care of," the ruler said in a posting about the meeting on his Facebook page.

Sultan Ibrahim is particular about cleanliness.

From time to time, the ruler would cruise the rivers in the state on an air boat to check on the cleanliness of the rivers and to ensure that they are not polluted.

During a cruise recently, the ruler noticed pollution and rubbish in Sungai Tebrau and he ordered the authorities to resolve the problem.

His firmness on cleanliness also led to Muar, the royal town, being presented with the Asean Cleanest Tourism City Award at the 2018 Asean Tourism Forum last January.

Sultan Ibrahim hopes Muar's success would become a benchmark and an inspiration for other cities and towns in Johor to achieve the same level of cleanliness.



Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, accompanied by Permaisuri of Johor Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, in a Morgan 3 Wheeler at the start of Kembara Mahkota Johor last year. PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

Sungai Kim Kim incident a lesson for us to preserve our rivers, says Tunku Idris

JOHOR BARU: Tunku Temenggong of Johor Tunku Idris Iskandar Al-Haj Sultan Ibrahim yesterday reminded the public of the importance of preserving the rivers in the state.

Following the chemical contamination episode in Pasir Gudang,

Tunku Idris said urgent steps should be taken to raise awareness about the dangers of river pollution.

He said if there was no effort to educate people to care about the rivers, toxic waste dumping would become more rampant.

"In conjunction with World Water Day (today), I want to draw the public's attention to the adverse effects of polluting our rivers.

"The toxic waste pollution tragedy in Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, has taught us a lesson," Tunku Idris said in a statement

issued by the Royal Press Office here yesterday.

He said irresponsible acts had destroyed the river, killing its marine life and its potential as a source of clean water.

The Royal Patron of the Johor National Parks said all 16 major

rivers in the state had been affected by pollution and it was a sorry state of affairs.

"Systematic river degradation as a result of domestic waste disposal and industrial waste must be stopped as rivers are our source of livelihood." **Bernama**



LAMPIRAN 34
NEWS STRAIT TIMES (RIVER POLLUTION): MUKA SURAT 11
TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)

PASIR GUDANG SCHOOLS TO REOPEN ON MARCH 31

Schools' clean-up to be carried out by various parties based on SOP

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
cnews@nstp.com.my

ALL schools in Pasir Gudang will reopen on March 31 following positive results from the clean-up at Sungai Kim Kim.

Johor Education Department deputy director Azman Adnan, in a statement, said sanitation work would be done at all schools before the schools reopen.

"The State Disaster Management Committee has decided to stop the Sungai Kim Kim Op and close the Disaster Operation Control Centre as the clean-up of the toxic pollutants had shown positive results.

"All schools (currently) closed in Pasir Gudang will re-

open on Sunday, March 31.

"Clean-up at the schools will be done by the school management, Parent Teacher Associations (PTA), the communities, governmental agencies, non-governmental organisations and local private sector," he said.

Azman said the clean-up would not involve students and would be conducted according to the schools' standard operating procedure.



Azman Adnan

On March 14, Education Minister Dr Maszlee Malik directed 111 schools in Pasir Gudang to be closed following reports of toxic contamination on March 7, based on feedback from the State Disaster Management Committee.

On March 17, it was reported that the 1.5km stretch along Sungai Kim Kim had been cleared of toxic contaminants.

A total of 5,848 people sought treatment after showing symptoms believed to be from toxic fumes inhalation due to contamination at Sungai Kim Kim.

LAMPIRAN 35
 UTUSAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 15
 TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)



Apa Cer...
 ZABRY MOHAMAD MADZLAN

SIAPA dalang? Sehingga artikel ini ditulis, pihak yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, sejak 7 Mac lalu masih belum didakwa. Meskipun 10 individu sudah ditahan, namun kertas siasatan dikatakan belum lengkap untuk mendakwa mereka.

Orang ramai pastinya nak tengok siapa dalang itu, dedahkan namanya, seret ke mahkamah dan jatuhkan hukuman berat. Kena pantas, ini kes besar.

Akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu, lebih 5,000 mangsa mengalami pelbagai masalah kesihatan termasuk kesukaran bernafas dan ada yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Itu belum lagi murid dan pelajar 111 sekolah yang diarah tutup hingga mengganggu pelajaran mereka.

Pada pandangan bekas pemeriksa senjata kimia di Pertubuhan bagi Pencegahan Senjata Kimia (OPCW), Leftenan Kolonel (B) Mohd. Nasarudin Mohd. Yusof, pesalah terbabit sewajarnya dikenakan hukuman berat supaya menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Hukuman itu juga kena setimpal dengan perbuatannya yang telah menyusahkan kerajaan dan orang ramai.

Beliau memberikan contoh di New Zealand (serangan penggasan di dua masjid). Keesokan harinya (penggasan) sudah ada di mahkamah, depan majistret. Baharu nampak kerajaan benar-benar serius.

"Bawa (pesalah buang toksik) ke depan. Tunjuk orang itu, ini dia, dia sudah dcaj di mahkamah. Dia patut dikenakan kompaun yang tinggi.

"Katakan kena kompaun RM10,000 misalnya, sikit punya kecewa tak? Itu apa maksudnya? Maksudnya kita cerita saja lebih, tapi apa kerajaan sudah buat?" katanya ketika ditemui di Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Baginya, kejadian di Pasir Gudang itu walau bagaimanapun perlu dilihat dari sudut positif. Banyak pengajaran boleh diambil dari situ sama ada di pihak orang awam atau kerajaan.

GAS BERACUN

Berdasarkan laporan Jabatan Bomba dan



PENCEMARAN Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor akibat pembuangan sisa toksik sewajarnya diambil tindakan oleh agensi-agensi berkaitan untuk mengkaji semula SOP masing-masing. - UTUSAN/ FARID JANUDIN

Sungai Kim Kim: Jangan cerita je lebih...



“Selama ini kita bina SOP berdasarkan ‘imaginasi’ dan kajian berpandukan insiden yang berlaku di negara-negara lain.”

Penyelamat, terdapat gas berbahaya hidrogen sianida dikesan dalam udara di kawasan terlibat.

Pada istilah orang awam, mereka melihat hidrogen sianida dari sudut mudah mereka faham iaitu sangat berbahaya kerana digunakan oleh tentera sebagai senjata.

Walaupun bagaimanapun bagi OPCW, istilahnya lebih luas. Dalam kes di Sungai Kim Kim, hidrogen sianida yang dikesan tidak mencapai tahap konsentrasi berbahaya.

Kenapa Mohd. Nasarudin kata begitu? Berdasarkan laporan media, bacaan 4.5 partikel per sejuta (ppm) dikesan di Sungai Kim Kim pada 15 Mac lalu. Hari-hari berikutnya bacaan semakin menurun. Memanglah kita takut mendengarnya.

Namun untuk standard Jabatan Keselamatan dan

Kesihatan (DOSH), bacaan mencecah 10 ppm baharu dikira berbahaya atau istilah digunakan *permissible exposure limit (PEL)*.

Bagi agensi-agensi penyelamat pula, mereka berpandukan nilai bacaan *immediate dangerous to life and health (IDLH)*.

IDLH membawa maksud apabila bacaan direkodkan pada 50 ppm, mereka mempunyai tempoh 30 minit untuk keluar dari kawasan tersebut.

Menurut Mohd. Nasarudin, walaupun hidrogen sianida dikategorikan sebagai senjata kimia dan pernah digunakan semasa Perang Dunia Pertama, namun ia tidak menjadi pilihan tentera kerana sifatnya yang terlalu tidak menentu (*volatile*).

Ia mencapai suhu didih pada 26 darjah Celsius,

bermaksud pada suhu bilik pun gas berkenaan mampu diserap ke udara. Lagi pula ia lebih ringan berbanding udara. Hidrogen sianida lebih popular digunakan oleh penggasan sebagai kapsul untuk mereka membunuh diri sekiranya perlu.

“Tiada kesan sampingan kalau kita terhidu hidrogen sianida termasuk karsinogenik atau mengancam kandungan seperti yang tular dalam media sosial,” ujarnya.

Fakta itu sendiri diakui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporannya, *Concise International Chemical Assessment Document 61: Hydorgen Cyanide & Cyanide - Human Health Aspect, 2004*.

SOP

Inilah masa agensi-agensi berkaitan mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) masing-masing untuk dibuat penambahbaikan.

Ini kerana jelas Mohd. Nasarudin, selama ini kita bina SOP berdasarkan ‘imaginasi’ dan kajian berpandukan insiden yang berlaku di negara-negara lain.

“Sekarang sudah berlaku (pencemaran toksik) di tempat sendiri, kita sendiri terlibat menguruskannya, bolehlah naik taraf SOP kita.

“Selama ini kita banyak bergantung kepada teori dalam bilik darjah. Kini kita benar-benar mempraktikkan pengetahuan yang kita pelajari, khususnya kepada yang terlibat secara langsung. Mereka memperoleh pengalaman yang tidak ternilai,” katanya.

Kementerian Kesihatan misalnya, jelasnya, mereka patut sudah bersedia untuk berdepan situasi menerima jumlah pesakit sangat besar dalam tempoh singkat.

Contohnya, serangan gas sarin ke atas tren bawah tanah oleh penggasan di Tokyo, Jepun pada 1995. Kira-kira 1,500 orang berpusu-pusu ke Hospital St. Luke, Tokyo dalam tempoh 30 minit pertama untuk mendapatkan rawatan walaupun mangsa sebarang tidak sampai 130 orang.

Limpahan pesakit yang membanjiri hospital untuk mendapatkan rawatan kini menjadi fenomena biasa ekoran insiden sebegini. Ia berlaku di mana-mana sahaja di seluruh dunia.

Ia adalah akibat simptom ketakutan melampau atau panik yang dirasakan mereka telah menjadi mangsa kejadian berpandukan kepada simptom-simptom yang mereka alami.

Apatah lagi kecanggihan teknologi masa kini yang mana maklumat boleh dihantar menerusi hujung jari sahaja, pastinya lebih kelam-kabut keadaannya!

IKTIBAR

Mohd. Nasarudin berkata, apa yang berlaku di Sungai Kim Kim tempoh hari wajar dijadikan iktibar lebih-lebih lagi pemain-pemain industri seperti pekilang.

Merekalah yang bertanggungjawab untuk mengelak berlaku sebarang pencemaran bahan-bahan berbahaya seperti sisa toksik kepada alam sekitar.

Mereka perlu mempunyai tahap kesedaran tinggi terhadap keselamatan pekerja masing-masing dan orang awam. Pihak berkuasa dalam kes ini, antaranya Jabatan Kesihatan dan Pekerjaan serta Jabatan Alam Sekitar perlu bekerja lebih keras membuat pemantauan.

Selepas ini, orang ramai pastinya lebih senang mendengar dan melihat tindakan proaktif jabatan-jabatan berkenaan terhadap mereka yang bersalah (mencemari alam sekitar).

Tiba masanya juga masyarakat lebih celik untuk melihat sesuatu isu secara lebih cerdik, bukan membuat tuli menyebarkan sebarang maklumat diperoleh.



LAMPIRAN 36 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14 TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)



Panas punca kebakaran hutan

Kelebihan: Cuaca panas melampau yang melanda wilayah tengah dan utara Sarawak sejak lebih dua minggu di kenal pasti menjadi punca kebakaran hutan di kawasan berkenaan. Malah, lebih memburukkan keadaan apabila aktiviti pembakaran terbuka turut dikesan berleluasa berlaku, khususnya di pedalaman dan luar bandar untuk tujuan pertanian. Sehingga kelmarin, lapan kes kebakaran hutan direkodkan di seluruh negeri, sekali gus menjadikan keseluruhan 184 kes seumpamanya dilaporkan sejak 1 Mac lalu membabitkan kawasan seluas 137.3 hektar.

Pemangku Kontroler Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB), Justine Jok Jau berkata, berikutan cuaca panas melampau yang sedang berlaku, pihaknya kini memantau rapi titik panas dan Indeks Cuaca Kebakaran (FWI) serta Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sarawak.

SUNGAI Kenau di Sungai Lembing kekeringan akibat musim kemarau sekarang.

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Stesen meteorologi utama merekodkan 11 kawasan di Semenanjung mengalami gelombang haba tahap satu, kategori fasa berjaga-jaga berikutan menerima suhu maksimum harian antara 35 hingga 37 darjah Celsius. Kawasan terbabit ialah Chuping, Perlis diikuti Kota Setar, Pendang dan Sik, Kedah serta Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang, Kelantan. Turut disenaraikan dalam

kategori itu ialah Hulu Perak dan Kinta, Perak, Jerantut, Pahang serta Tangkak, Johor. Mengulas status gelombang haba terkini, Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geo Fizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Hisham Mohd Anip berkata, orang ramai tidak perlu panik berikutan keadaan suhu panas ini dijangka beransur pulih bermula April ini berikutan fasa peralihan Monsun Timur Laut kepada Barat Daya yang membawa lebih banyak hujan ke seluruh negara. "Keadaan El Nino lemah tidak memberi kesan yang ketara kepada suhu negara dan dijangkakan tiada cuaca panas luar biasa berlaku tahun ini seperti episod El Nino kuat yang pernah melanda negara pada tahun 2016 dan 1998. "Setakat ini, hanya Chuping mengalami suhu gelombang haba tahap dua dengan rekod bacaan suhu maksimum 38 darjah Celsius pada 19 Mac lalu berbanding 40.1 darjah Celsius pernah direkodkan pada 9 April 1998. "Kini, hanya tinggal 11 kawasan berada tahap satu dan kita jangkakan jumlahnya akan berkurangan selepas ini apabila cuaca kembali normal," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, keadaan cuaca ini juga dipengaruhi faktor kedudukan matahari tegak di atas garisan khatulistiwa berikutan ia sebahagian daripada proses peralihan matahari mengikut musim. "Bermula semalam (kelmarin), kita sudah melepasi fasa ekuinoks di mana negara menerima pancaran matahari maksimum di beberapa kawasan sekiranya tanpa liputan awan yang menyebabkan peningkatan suhu panas. "Sekarang sedang berlaku peralihan matahari dari atmosfera selatan ke atmosfera utara yang menyebabkan kebanyakan kawasan semalam

(kelmarin) menerima hujan. "Namun, dalam dua hari ini kita jangkakan sekali lagi negeri di utara akan menerima suhu maksimum 38 darjah Celsius manakala negeri lain antara 35 hingga 36 darjah Celsius," katanya. Untuk rekod, suhu maksimum harian kurang daripada 35 darjah Celsius adalah dikategorikan sebagai normal manakala tahap satu (berjaga-jaga) pula suhu maksimum harian 35 hingga 37 darjah Celsius sekurang-kurangnya tiga hari. Selain itu, tahap dua bagi suhu melebihi 37 hingga 40 darjah Celsius dalam tiga hari berturut-turut dan tahap ketiga (kecemasan)

suhu maksimum melebihi 40 darjah Celsius tiga hari berturut-turut. Sementara itu, kualiti udara di seluruh negara bertambah baik apabila semua kawasan mencatatkan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) tahap sederhana dan baik seperti dipaparkan dalam Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS). Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan amaran cuaca terkini melalui laman web, aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia serta melayari <http://apims.doe.gov.my> untuk mengetahui status IPU semasa.



LAMPIRAN 37 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15 TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)



NIK Roslan (kiri) bersama petani, Abd Rahman Taib (tengah) meninjau keadaan anak padi yang terbanjut berikutan tanah sawah kering-kontang.

Rezeki 2,509 pesawah berisiko terjejas teruk

Kota Bharu: Seramai 2,509 pesawah yang mengusahakan tanaman padi seluas 6,899 hektar di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berisiko terjejas teruk jika cuaca kemarau terus berlarutan.

Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, cuaca panas itu turut menyebabkan air Sungai Kelantan menyusut, sekali gus pam Kemubu di

sini, tidak dapat mengairi keseluruhan 24,374 hektar tanaman padi di Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Utara, Pasir Puteh dan Bachok sejak sebulan lalu.

Katanya, berikutan itu, pihaknya mengambil beberapa inisiatif seperti membina sistem perpaipan sepanjang 450 meter untuk mengairi 70 hektar kawasan padi di Kampung Gua dan Kampung Betong.

la menelan kos hampir RM100,000 dan dijangka beroperasi esok.

"Kami salir air dari sungai terus ke kawasan bendang dan kawasan yang berisiko kering yang lain pula, kita bantu menyediakan pam backwards, membina tiub telaga serta bantuan diesel bagi mengelakkan padi yang ketika ini berusia 40 hingga 60 hari daripada rosak akibat kemarau.

"Malah, kita juga membuat permohonan kepada Jabatan Meteorologi untuk membuat pembenihan awan jika keadaan kemarau ini berlarutan," katanya ditemui selepas melakukan tinjauan di lokasi sawah yang kekeringan di bendang Kampung Aur Duri di sini, semalam.

Nik Roslan berkata, bagi kawasan bendang Aur Duri, pihaknya menyediakan 77 pam backwards untuk 30 pesawah yang dalam kebimbangan menghadapi padi 'kemarau' membabitkan keluasan lebih 200 hektar.

"Dalam keadaan cuaca panas yang berpanjangan ini, KADA dan petani akan bekerjasama memastikan padi yang mula ditanam awal Januari lalu dapat dikutip hasilnya menjelang Mei atau Jun depan.

"Kami berterima kasih atas kesanggupan pesawah membina perpaipan sendiri bagi mengelakkan lebih banyak kerugian hasil padi," katanya.

Sementara itu, pesawah, Ismail Abdul Rahman, 66, berkata, tanaman padi di bendang Aur Duri paling teruk terjejas selepas bencana banjir besar melanda negeri ini pada 2014.



PAM air yang disediakan KADA.

LAMPIRAN 38
NEWS STRAIT TIMES (OPINION): MUKA SURAT 65
TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)

A GREEN-GREY APPROACH

It is a proven way to better manage water resources as it is more cost-effective and resilient, writes **KIM JENSEN**

TODAY, more than half the world's population live in cities, and in Asia we are expecting unprecedented growth – by 2030, megacities of 10 million inhabitants or more will be located in Asia.

While urbanisation is synonymous with economic growth, it can often do more harm than good if we do not have the proper infrastructure to sustain the rapid development. As epicentres of human activities, cities see intense production and consumption, using huge quantities of our limited natural resources while contributing to climate change.

One of the most critical resources under stress in urban cities is water. The issue is even more acute in Asia-Pacific, with the region being home to almost two-thirds of the world's population but only having access to one-third of its usable water resources.

For Malaysia, development and climate change has affected the country's water stress levels. A 2016 report by the World Resources Institute (WRI) revealed that several areas in eight states and Kuala Lumpur are expected to experience water issues by 2020. The impact of the rapid urban growth over our limited water resources is multi-fold: demand for water is on the rise, while more sewage is being produced and treated, more stormwater needs to be managed and more water pollution needs to be contained.

While each city faces its own unique set of challenges when it comes to tackling sustainability, the bottom-line for all is that, in order to ensure we have enough water for the next generation, we need to take a step back and re-think how cities as a whole can better manage this precious resource.

From water and wastewater treatment plants to pipelines and reservoirs, the urban landscape


is rife with grey infrastructure. However, with climate change and increased intensity and frequency of extreme weather events, such as heavy rain and flooding, human-engineered systems are crumbling under the pressure to manage stormwater.

Malaysia continues to be vulnerable to the threat of flooding amidst urbanisation. According to the Belgium-based Centre for Research on the Epidemiology of Disasters, Malaysia experienced 38 floods in the last two decades, which have affected over 770,000 people, killed 148 people, and caused over US\$1.4 billion (RM6 billion) in damage. Urban and suburban areas such as Johor, Kuala Lumpur, Selangor, and Penang continue to experience flash floods during the monsoon season.

A proven way to better manage stormwater is by combining green infrastructure with grey infrastructure. Green infrastructure is a cost-effective and resilient approach to manage wet weather impacts, through the strategic use of networks of natural lands, working landscapes, and other open spaces.

Increasingly, cities are recognising the effectiveness of the "green-grey" approach. A successful example is China's sponge cities. Facing long-term risks from rising sea levels, the Lingang district in Shanghai replaced concrete pavements with wetlands, green rooftops and rain gardens so that stormwater could be absorbed back into the land, providing an ecologically friendly alternative to traditional flood defences and drainage systems and enabling water conservation that could be harnessed for reuse by households and industries.

While climate change has certainly exacerbated the water crisis, one of the major challenges faced by cities today is the inefficient consumption of water. For cities, buildings account for a significant amount of water and



Air Itam dam in Penang. Development and climate change has affected the country's water stress levels. PIC BY DANIAL SAAD

energy consumption, and more residential and commercial buildings have come up in Malaysia. A report by Fitch Solutions said Malaysia's residential and non-residential buildings sector will grow at an annual average of 3.7 per cent between now and 2027. In order to shelter the rising population and boost economic growth, it is important to ensure we use water more efficiently.

Green buildings have become the new mantra for sustainable development of cities, including Malaysia. There are ongoing efforts to boost the development of these eco-friendly buildings that focus on efficient use of resources such as water and energy. Initiatives such as Malaysian Green Building Confederation's Green Building Index (GBI) rating system, help set a benchmark for sustainability efforts by businesses and developers.

However, we need to look beyond just planting trees or incorporating energy efficient office design. We need to also review the entire hardware of buildings to create greater efficiency in all aspects. For example, pumps control the water and cooling system of a building, operating and using energy year-round. There is also a major opportunity to reduce water losses along the supply chain. By using efficient pumps, buildings can go a long way in meeting sustainability as well as energy and water efficiency standards.

An efficient water system goes beyond individual components working in silos, but instead it is

about how an entire system can work together cohesively to ensure the optimisation of resources. The key to effectively address a city's water challenges is interconnectivity between the different parts to enable constant feedback and communication.

Digitalisation holds vast potential for water and wastewater management by providing capabilities that enable this connectivity. Intelligent technology enables our systems to predict changes in demand, and in turn proactively adjust water pressure to prevent excessive stress on pipes.

Sustainable water resources is the most urgent need that we face today. To address this, the narrative of urban cities needs to shift from concrete infrastructure to a green approach, one that is married with innovative thinking and modern technologies.

The public and the private sector have a real opportunity to work together and address the water crisis by incorporating green infrastructure, developing green buildings and leveraging digitalisation in water processes.

With World Water Day this year reminding us to work towards the collective goal of "Leaving no one behind", we need to accelerate our efforts to ensure a secure and sustainable supply of water for future generations.

The writer is group senior vice-president and regional managing director of a Denmark-based pump manufacturer for the Asia-Pacific region

6 An efficient water system goes beyond individual components working in silos, but instead it is about how an entire system can work together cohesively to ensure the optimisation of resources.



LAMPIRAN 39
NEWS STRAIT TIMES (WORLD): MUKA SURAT 61
TARIKH: 25 MAC 2019 (ISNIN)

CYCLONE VERONICA

Australia hit with second 'severe' cyclone in two days

SYDNEY: A severe category 3 cyclone blew into the key mining region of Pilbara in Western Australia yesterday, forcing evacuations and a halt to port operations, as the north of the country dealt with the effects of an even more powerful storm that hit the previous day.

Cyclone Veronica weakened from a category 4 storm before its core winds hit the coast near the mining centre of Port Hedland, but officials warned the system was slow moving and would continue pounding the region with gale force winds and heavy rain for 24 to 48 hours.

The Bureau of Meteorology

said Veronica's forward movement had stalled around midday yesterday before its eye made landfall, and was forecast to weaken to a category 1 storm overnight and then veer west along the coastline.

It said the "severe" storm was producing wind gusts of up to 200kph, pushing a storm surge of up to two metres onto the coast.

Rainfall was expected to hit 20cm to 40cm, it said.

"Tides are likely to rise significantly above the normal high tide mark with damaging waves and very dangerous coastal inundation," the bureau said.

AFP



People watching as huge waves brought by Cyclone Veronica crash on the coast in Port Hedland, Western Australia, yesterday. REUTERS PIC

LAMPIRAN 40
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 55
TARIKH: 25 MAC 2019 (ISNIN)

Gempa magnitud 6.1 landa Maluku Utara

Jakarta: Satu gempa bumi berkekuatan magnitud 6.1 menggegarkan kawasan pesisir pantai di wilayah Maluku Utara di timur Indonesia semalam, kata Pusat Tinjauan Geologi Amerika Syarikat (USGS), namun tiada amaran tsunami dikeluarkan.

Gempa direkodkan berlaku sejauh 150 kilometer dari barat daya bandar pesisir pantai di Ternate pada kedalaman 37 kilometer.

Seorang penduduk tempatan berkata, bencana alam itu dirasai sejauh di Ternate namun penduduk tidak bimbang.

"Saya sedang menonton televisyen apabila gempa bumi tiba-tiba berlaku, gegaran agak kuat namun syukur ia berlaku amat pantas, justeru saya tidak panik," kata penduduk Ternate, Budi Nurgianto.

Pihak berkuasa masih menilai impak gempa namun tiada laporan kematian.

"Kami masih memeriksa jika ada sebarang kerosakan," kata ketua jabatan gempa bumi dan tsunami agensi kaji cuaca Indonesia (BKMG), Rahmat Triyono.

Indonesia kerap mengalami gegaran seismik dan aktiviti gunung berapi berikutan kedudukannya di Lingkaran Api Pasifik, di mana plet tektonik bertembung.

Pada September lalu, gempa magnitud 7.5 dan tsunami selepas itu di Palu, pulau Sulawesi mengorbankan lebih 2,200 orang dengan ribuan diisytiharkan hilang. **AFP**



LAMPIRAN 41
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 5
TARIKH: 25 MAC 2019 (ISNIN)



People watch as huge waves brought by Cyclone Veronica crash on the coast in Port Hedland yesterday in this image obtained from social media. – PAIGE SIMMONS/REUTERSPIX

Two cyclones hit northern Australia

SYDNEY: A severe category 3 cyclone blew into the key mining region of Pilbara in Western Australia yesterday, forcing evacuations and a halt to port operations, as the north of the country dealt with the effects of an even more powerful storm that hit the previous day.

Cyclone Veronica weakened from a category 4 storm before its core winds hit the coast near the mining centre of Port Hedland, but officials warned the system was slow moving and would continue pounding the region with gale force winds and heavy rain for 24 to 48 hours.

The Bureau of Meteorology said *Veronica's* forward movement had

stalled around midday before its eye made landfall, and was forecast to weaken to a category 1 storm overnight and then veer west along the coastline.

It said the "severe" storm was producing wind gusts of up to 200kph, pushing a storm surge of up to 2m onto the coast.

Rainfall was expected to hit 20-40cm, it said.

"Tides are likely to rise significantly above the normal high tide mark with damaging waves and very dangerous coastal inundation," the bureau said.

Meanwhile, *Cyclone Trevor*, which hit northern Australia on Saturday as a powerful category 4, weakened to a tropical storm

overnight as it moved inland in the sparsely populated region.

Officials said no deaths, injuries or significant damage had been reported from the storm, but that heavy rains were continuing and flooding was still a danger.

The army and police had evacuated more than 2,000 residents from outposts in *Trevor's* path, many of them indigenous communities.

Meanwhile, a cyclone and floods that hit southern Africa have caused more deaths, with hundreds left in camps after homes were destroyed.

Cyclone Idai lashed the Mozambican port city of Beira with winds of up to 170kph, then moved

inland to Zimbabwe and Malawi, flattening buildings and putting the lives of millions at risk.

Mozambique's land and environment minister Celso Correia told journalists that the death toll had risen to 446 from 417, adding that 531,000 people had been affected by the disaster and 110,000 were in camps.

The storm has also killed scores of people in Zimbabwe, with the United Nations' migration agency reporting that 259 people had been killed while its humanitarian arm OCHA said the death toll was at 154.

In Malawi, 56 people died in heavy rains ahead of the cyclone. – Agencies

LAMPIRAN 42
 UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 43
 TARIKH: 23 MAC 2019 (SABTU)

Kilang kimia meletup cetus gempa, 47 maut

■ BEIJING 22 MAC

LETUPAN besar di sebuah kilang kimia di timur China, semalam membunuh 47 orang dan mencederakan lebih 600 yang lain, menjadikannya satu daripada kemalangan industri terburuk negara ini.

Insiden di

taman perindustrian Yancheng itu melibatkan sebuah kilang dimiliki syarikat Tianjiayi Chemical yang menghasilkan bahan kimia mentah termasuk bahan mudah terbakar, anisole.

Letupan itu yang terlalu kuat turut mencetuskan gempa bumi kecil, menumbangkan beberapa bangunan kilang dan memecahkan tingkap kediaman sejauh empat kilometer dari lokasi kejadian.

Ratusan pasukan penyelamat dikerah ke lokasi

kejadian apabila tiga tangki kimia dan lima lokasi lain terbakar dan bomba berjaya mengawal kebakaran itu kira-kira pukul 3 pagi waktu tempatan.

Kebakaran itu merebak ke kilang berhampiran dan menurut media tempatan, kanak-kanak di sebuah tadika berhampiran turut cedera ketika 3,000 orang penduduk dipindahkan dari lokasi kejadian.

Pihak berkuasa yang menyiasat insiden itu berkata, beberapa orang individu ditahan polis bagi membantu siasatan.

Berdasarkan imej yang disiarkan

media tempatan menunjukkan bagaimana letupan itu meranapkan bangunan kilang dan memerangkap pekerja di bawahnya.

Menurut seorang saksi menggunakan nama samaran Xiang berkata, dia amat bimbang tentang tahap pencemaran dan keselamatan mereka di kilang itu sejak sekian lama.

"Kami tahu kami akan 'diletupkan' satu hari nanti," katanya.

Menurut pegawai tempatan, tiada keluarbiasaan dikesan di lokasi letupan sebelum kejadian namun wilayah itu akan melakukan pemeriksaan kecemasan terhadap pengeluar kimia dan gudang lain. - AFP

